

## KEHORMATAN DAN MARUAH DALAM NGAYAU II KARYA AMIL JAYA

### *HONOR AND DIGNITY IN NGAYAU II BY AMIL JAYA*

Rosmah Derak, Asmiaty Amat & Nor Ain Manap

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa

Universiti Malaysia Sabah

*rosmah@ums.edu.my; asmiaty@ums.edu.my; ain@ums.edu.my*

Tarikh dihantar: 5 Februari 2020 / Tarikh diterima: 18 April 2020

**Abstrak:** Kehormatan atau harga diri menjadi intipati utama yang cuba dipaparkan oleh Amil Jaya dalam novel *Ngayau II*. Novel ini merupakan novel keempat yang ditulis oleh Amil Jaya atau Ismail Abbas selepas *Cerah*, *Ngayau* dan *Bagaton*. *Ngayau II* terbit pada tahun 2015 merupakan rentetan kisah ngayau yang berlaku di Sarawak tetapi latarnya lebih memfokuskan tradisi ngayau yang berlaku di Sabah suatu masa dahulu. Makalah ini menggunakan kaedah analisis teks menggunakan pendekatan kehormatan oleh Ali Jarishah (1990). Menurut Ali Jarishah, terdapat tujuh jenis kehormatan, iaitu kehormatan darah, harta benda, maruah, perpecahan, kezaliman, wanita dan amanah. Berdasarkan kajian ini, didapati terdapat empat jenis kehormatan yang terdapat dalam novel ini, iaitu kehormatan mempertahankan darah (nyawa), kehormatan harta benda, kehormatan mempertahankan maruah serta kehormatan wanita. Masyarakat peribumi khususnya etnik Bajau berusaha untuk mempertahankan kehormatan dan maruah mereka daripada diganggu gugat oleh lanun dan etnik Dayak yang sering mengganggu ketenteraman kampung mereka.

**Kata kunci:** *Ngayau II*, Amil Jaya, Ali Jarishah, Sabah, kehormatan, peribumi

*Abstract: Honor or self-esteem is the main essence that Amil Jaya tries to display in the novel Ngayau II. This novel is the fourth novel written by Amil Jaya or Ismail Abbas after Cerah, Ngayau and Bagaton. Ngayau II published in 2015 is a series of ngayau stories that took place in Sarawak but the background focuses more on the ngayau tradition that took place in Sabah a long time ago. This paper uses the method of text analysis using the honor approach by Ali Jarishah (1990). According to Ali Jarishah, there are seven types of honor, namely honor of blood, property, dignity, division, tyranny, women and trust. Based on this study, it is found that there are four types of honor found in this novel, namely the honor of defending blood (life), the honor of property, the honor of defending dignity and the honor of women. Indigenous people, especially the Bajau ethnic group, are trying to defend their honor and dignity from being harassed by pirates and the Dayak ethnic group who often disturb the peace of their village.*

**Keywords:** *Ngayau II*, Amil Jaya, Ali Jarishah, Sabah, honor, natives

#### PENGENALAN

Sastera etnik khususnya karya pengarang dari Sabah dan Sarawak menampilkan kepelbagaian budaya etnik yang menjadi satu ciri unik dan tidak dimiliki oleh genre sastera yang lain. Keunikan sastera etnik sama ada yang ditulis dalam bahasa Melayu atau bahasa etnik itu sendiri wajar diketengahkan agar dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat. Dalam konteks sastera etnik Sabah, Amil Jaya atau nama sebenarnya Ismail Abbas merupakan penulis sastera etnik yang cukup terkenal. Menerusi novel *Ngayau* (1979), Amil Jaya berjaya menembusi pasaran antarabangsa apabila novel *Ngayau* diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dan bahasa Perancis. Pada tahun 2015 novel berjudul *Ngayau II* telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka walaupun Amil Jaya meninggal dunia pada tahun 2009. Novel ini telah banyak dikaji oleh sarjana tempatan seperti Asmiaty (2010, 2011 2016 & 2019). Walaupun

novel *Ngayau II* bukanlah lanjutan atau *sequel* kepada novel pertamanya *Ngayau* namun persamaannya merujuk pada tajuk yang digunakan serta tradisi ngayau yang masih menjadi intipati utama pengarang dalam menggarap kedua-dua buah novel.

*Ngayau* merupakan amalan yang dilakukan oleh masyarakat bukan Islam di Sarawak dalam kurun ke-19 dahulu. Ngayau ialah satu istilah yang digunakan untuk merujuk kepada suatu amalan memburu kepala manusia yang terdapat dalam kalangan kebanyakan masyarakat Dayak Sarawak seperti Iban dan Kayan (Asmiaty, 2011). *Ngayau* merujuk kepada amalan yang mempunyai kaitan yang amat erat dengan institusi perkahwinan, keagamaan dan nilai kewiraan. Amalan ini menjadi satu prasyarat kepada lelaki Iban yang mahu berkahwin sebagai bukti keberanian kepada keluarga bakal isteri. Mempersembahkan satu kepala musuh sebelum perkahwinan ialah amalan biasa masyarakat Iban suatu masa dahulu.

Keupayaan untuk memiliki beberapa kepala juga perlu untuk seseorang itu menduduki sesuatu jawatan penting sama ada sebagai ketua atau untuk kedudukan sosial yang lain. Malah menurut Gomes (1911) kepala diperlukan untuk mengakhiri upacara berkabung (dalam Awang Hasmadi Awang Mois, 1984: 59-60).

Adat *ngayau* dilakukan oleh orang Iban pada zaman silam semata-mata untuk tujuan mempertahankan kaumnya daripada dicabar, dipermain dan dianiaya oleh kaum lain, termasuk penceroboh asing seperti puak Raja Brooke. Sebenarnya, kaum Iban hanya membunuh semasa ngayau (ekspedisi perang). Pemuda Iban melakukannya sebagai memenuhi salah satu tuntutan wajib ke atas dirinya sebagai lelaki Iban yang berani melindungi kaumnya. Kejayaan membunuh (memotong kepala musuh) semasa ngayau akan meningkatkan martabat dan keunggulan seorang lelaki. Lelaki Iban yang membawa balik kepala musuh akan mendapat *ensumbar*, iaitu gelaran nama (nama puji-pujian) seperti Bujang Berani (wira/pahlawan Iban) dan sebagainya (Noriah Taslim dan Chemaline Osup, 2013).

Kepala musuh yang diperoleh akan diawet dan disalai. Tengkorak ini disebut sebagai *antu pala* (piala kepala) yang akan dijadikan harta pusaka keluarga berkenaan secara turun-temurun. Antu pala itu akan digantung di atas *bedilang* (dapur kecil) di ruai dan dipanaskan dengan api kecil supaya semangat *antu pala* tersebut dapat berehat dengan tenteram. Pada hakikatnya, tidak semua musuh yang ditemui di medan perang akan dibunuh. Contohnya, wanita dan kanak-kanak hanya ditangkap dan dijadikan tawanan perang atau hamba di rumah panjang tetapi diberi layanan yang baik dan kemudiannya dijadikan ahli keluarga angkat melalui adat *mengir* hamba abdi (istiadat mengangkat anak) atau gawai betembang (gawai mengangkat anak). Adat tersebut merupakan satu upacara khas untuk mengesahkan hamba berkenaan diangkat sebagai ahli keluarga oleh mana-mana keluarga yang sudi. Oleh yang demikian, tidak wujud kelas hamba abdi dalam masyarakat Iban (Noriah Taslim dan Chemaline Osup, 2013).

Menurut Noria Tugang (2014: 26), orang Iban hanya membunuh musuh semasa ngayau menentang musuh tradisional mereka atau menentang orang yang menghalang pergerakan meluaskan kawasan atau berpindah ke tempat baharu. Dalam keadaan ini pun, mereka tidak akan membunuh sebarang musuh, malah kalau boleh mereka hanya memilih musuh lelaki dewasa untuk ditentang atau dibunuh, dan musuh perempuan pula mereka akan bawa balik ke rumah panjang. Membawa balik kepala musuh yang telah dibunuh semasa ngayau dianggap sebagai suatu anugerah amat berprestij yang dikurniakan terhadap keberanian dan kepahlawanan lelaki Iban. Lazimnya, setelah mencapai kejayaan ini, seseorang lelaki akan digelar sebagai 'Bujang Berani', raja berani, atau pahlawan ulung. Fenomena ini juga dianggap sebagai satu peningkatan status sosial tertinggi dalam kalangan orang Iban kerana mereka berhak diberikan penghormatan yang amat tinggi ketika ritual gawai atau perayaan-perayaan yang lain.

## NARATIF NGAYAU 11

Maruah dan kehormatan menjadi tema penting dalam novel *Ngayau II* akibat tradisi ngayau yang diamalkan di Kepulauan Borneo suatu ketika dahulu. Novel ini seperti novel-novel Ismail Abbas yang lain (Asmiaty, 2019) sarat dengan elemen budaya masyarakat peribumi Sabah yang mengisahkan tentang perjuangan masyarakat daerah Melandin daripada suku etnik Bajau, Sabah terhadap maruah diri dan kehormatan suku kaum mereka. Ketiadaan Kumil dan rakan-rakannya di kampung tersebut telah membuka ruang kepada orang Dayak dan kumpulan lanun bermaharajalela dengan menculik anak-anak gadis di kampung tersebut. Kehilangan seorang gadis yang bernama Rainah telah menggemparkan perkampungan Melandin apabila dikatakan telah diculik oleh orang Dayak dan dijual di pasar *ulun*. Para pemuda di kampung tersebut iaitu Kumil, Nasim, Jamudin dan Sukirman segera membuat keputusan untuk mencari Rainah demi menyelamatkan nyawa dan maruahnya. Pelbagai halangan dan cabaran yang ditempuh oleh mereka dalam usaha menjejaki Rainah. Antaranya ialah, mereka terpaksa berhadapan dengan kumpulan pengait dan lanun yang ganas. Namun begitu, para pemuda ini tidak berputus asa dan meneruskan pencarian Rainah.

Rainah telah diculik oleh kumpulan lanun yang diketuai oleh Samirdad, Ungkil dan Jabit. Mereka membawanya ke hulu sungai di pasar *ulun* Sebuyou untuk dilelong dan dijual di pasar *ulun*. Pasar *ulun* merupakan sebuah pasar yang menjual pelbagai jenis barangan termasuk penjualan *ulun* atau hamba abdi. Perniagaan *ulun* mendominasi jualan di pasar tersebut dan ramai pembeli *ulun* datang untuk membeli *ulun*. Urusan jual beli menggunakan mata wang, bahan tembaga malah ada juga yang menggunakan binatang ternakan. Jualan *ulun* pula terdiri daripada golongan wanita. Kebanyakan yang datang membeli *ulun* datang daripada pelbagai pelosok kampung, pulau-pulau, Kepulauan Borneo, Filipina dan Indonesia.

Samirdad serta rakan-rakannya mengiklankan Rainah kepada pembeli-pembeli *ulun*. Mereka menjual Rainah dengan harga yang sangat tinggi dan Pengiran Gamuk yang datang dari Brunei berjaya membeli Rainah. Namun begitu, ketika pelayaran pulang ke Brunei, mereka telah dihalang oleh Gumiradi yang datang dari Mukah dan mengugut mereka untuk menyerahkan Rainah. Tanpa berfikir panjang dan demi menyelamatkan *ulun-ulun* yang dibeli oleh Pengiran Gamuk, Rainah diserahkan kepada Gumiradi dan rakannya setelah Gumiradi membayar ganti rugi kepada Pengiran Gamuk. Rainah akhirnya dibawa pulang ke Mukah oleh Gumiradi untuk diserahkan kepada penghulu mereka yang sedang mencari *ulun* atau hamba abdi. Pada pengakhiran cerita, watak Kumil, Nasim, Jamudin dan Sukirman terus menjejaki Rainah selepas mendapat perkhabaran daripada Pengiran Gamuk tentang keberadaan gadis itu dan berdoa agar gadis tersebut selamat walau di mana sahaja berada.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menganalisis kandungan novel *Ngayau II* menggunakan kerangka konsep kehormatan oleh Ali Jarishah (1990) yang bertujuan untuk menjelaskan tentang bentuk kehormatan yang terdapat dalam novel ini. Ali Jarishah (1990: 25) dalam bukunya bertajuk *Kehormatan Hak-hak Manusia Menurut Islam (Suatu Kajian Perbandingan)* menghujahkan bahawa terdapat tujuh bentuk kehormatan, iaitu darah, harta benda, maruah, perpecahan, kezaliman, wanita dan amanah. Ketujuh-tujuh jenis kehormatan ini perlu dipertahankan oleh seseorang daripada dicerobohi dan diganggu gugat oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Bentuk-bentuk kehormatan yang bersesuaian pula digunakan untuk menganalisis teks *Ngayau II* bagi meneliti kehormatan yang dipertahankan oleh watak-watak di dalam novel ini.

## KEHORMATAN DALAM NOVEL *NGAYAU II*

Kehormatan adalah berkait rapat dengan harga diri dan maruah diri seseorang. Menurut Juwairiah Osman (2014: 5), nilai kehormatan adalah asas kepada konsep kehormatan orang Melayu. Seseengah masyarakat memahami nilai kehormatan sebagai sikap saling

menghormati dan sering dikaitkan dengan istilah “maruah” sahaja. Sebahagian masyarakat yang lebih memperkatakan soal kehormatan dengan budaya dan kurang merujuk pada panduan agama Islam. Sedangkan, kehormatan ialah satu nilai yang sangat luas maksudnya dan merangkumi sikap, pemikiran, cara hidup, budaya dan agama sesebuah masyarakat. Hal ini selaras dengan kehendak agama Islam yang menuntut umatnya supaya memelihara kehormatan dengan sebaik-baiknya.

Berdasarkan novel *Ngayau II*, didapati novel ini mengetengahkan empat jenis kehormatan, iaitu kehormatan mempertahankan darah (nyawa), kehormatan harta benda, kehormatan untuk mempertahankan maruah serta kehormatan untuk mempertahankan wanita sebagaimana kerangka konsep kehormatan yang digariskan oleh Ali Jarishah (1990). Walaupun istilah pemeliharaan kehormatan pada zaman ngayau di Borneo Utara ketika itu belum berlandaskan prinsip agama Islam namun, didapati bahawa masyarakat Bajau ketika novel tersebut ditulis telah menganut agama Islam.

### KEHORMATAN DARAH (NYAWA)

Islam begitu memuliakan kehidupan manusia dan menjaga kehormatan nyawa. Islam juga menganggap sebarang penindasan ke atas nyawa sebagai jenayah paling dahsyat di sisi Allah s.w.t selepas jenayah mengkufuri-Nya (Yusuf al-Qaradhawi, 2016: 469). Al-Quran menegaskan dalam surah *al-Maidah* ayat 32 yang bermaksud: Sesungguhnya sesiapa yang membunuh seorang manusia dengan tiada alasan, ataupun melakukan kerosakan di muka bumi, maka seolah-olah dia membunuh kesemua manusia. Menurut Ali Jarishah (1990: 26) Allah telah berfirman dalam Surah an-Nisaa' ayat 93 yang bermaksud:

“Sesiapa membunuh seorang mukmin dengan sengaja, nescaya balasannya seksa neraka Jahanam, dan ia kekal di sini. Allah memurkainya, melaknatinya, dan menyediakan baginya sejenis seksaan yang sangat berat.”

Sebagai sebuah novel yang mencerminkan budaya penggal kepala atau *ngayau*, terdapat banyak kes pembunuhan yang berlaku di dalam novel ini. Sungguhpun budaya ngayau yang berleluasa ketika latar novel tersebut ditulis belum sepenuhnya menggambarkan meluasnya Islam di Borneo namun didapati bahawa sudah terdapat masyarakat yang telah mengamalkan Islam dalam cerita tersebut seperti yang dianuti oleh masyarakat atau penduduk kampung Melandin. Penceroboh yang dilakukan oleh masyarakat Dayak terhadap seorang penduduk kampung dan membunuh serta memenggal kepala salah seorang penduduk kampung Melandin menjadi satu tindakan yang mencabar maruah dan kehormatan orang Islam ketika itu. Syarif Hamid bukan hanya dibunuh tetapi kepalanya telah dilarikan oleh orang-orang Dayak. Kematian dan kehilangan kepala Syarif Hamid menyebabkan beberapa orang pemuda kampung Melandin berasa tercabar. Seorang anak muda yang dikenali sebagai Kumil bertekad untuk menuntut kembali kepala Syarif Hamida dan menuntut bela atas kematian Syarif Hamid. Oleh hal yang demikian, sungguhpun mereka bukan bangsa Dayak yang mengamalkan ngayau namun, mereka terpaksa melaksanakan ngayau demi tujuan menuntut bela.

“Ngayau menjejaki kepala Syarif Hamid yang dipenggal dan dilarikan orang itu berbahaya...namun mendapatkan kembali kepala Syarif Hamid itu satu tugas yang mulia. Tugas itu wajib dilakukan, demi maruah Syarif Hamid dan demi maruah kami jejak di kampung ini... Aku bertanya kepada diriku, apakah kewajipanku sebagai jejak bangsa? Sudahlah aku tak dapat mempertahankan nyawa Syarif Hamid, aku juga tak dapat mempertahankan kepalanya yang dipenggal. Di mana maruahku sebagai anak jantan kampung ini (Amil Jaya, 2015: 109-110).

Secara dasarnya, tradisi memenggal kepala atau *ngayau* dalam kepercayaan orang Dayak tersebut tentu sahaja bertentangan dengan ajaran Islam. Dalam Islam, perbuatan

membunuh adalah sangat dilarang dan ia dianggap sebagai satu jenayah yang sangat kejam. Namun bagi orang Dayak, tradisi ini merupakan lambang keberanian suku kaum mereka dan sering kali dikaitkan dengan keperwiraan atau kepahlawanan apabila berjaya memenggal kepala musuh. Oleh sebab etnik Dayak telah menyerang kampung orang Islam dan melarikan kepala seorang penduduk Melandin yang beragama Islam.

#### KEHORMATAN HARTA BENDA

Menurut Ali Jarishah (1990), mempertahankan harta benda juga merupakan satu bentuk kehormatan. Kedudukannya sama seperti kehormatan darah atau nyawa malah keinginan kepada harta mungkin melebihi daripada kepentingan nyawa sendiri. Ali Jarishah (1990:28) menjelaskan ajaran Islam mengharuskan manusia untuk memiliki harta dengan cara yang dianjurkan oleh Islam. Pengambilan harta secara paksa daripada pemilik dilarang dalam Islam. Islam mengharamkan pemilikan harta dengan cara penipuan, monopoli dan rasuah. Harta merupakan pinjaman daripada Allah swt.

Berdasarkan novel *Ngayau II*, abdi atau *ulun* dianggap sebagai harta yang perlu dipertahankan. Hal ini bersesuaian dengan latar novel yang mengambil zaman perhambaan dan kegiatan perlanunan di Kepulauan Borneo suatu ketika dahulu. Rainah adalah *ulun* yang diculik oleh sekumpulan lanun dari kampungnya dan dibawa ke pasar *ulun* di Sebuyou untuk dilelong dan dijual dengan harga yang tinggi. Pengiran Gamuk dari Brunei telah membeli Rainah daripada sekumpulan lanun tersebut. Selain Rainah, terdapat beberapa orang lagi *ulun* telah dibeli oleh Pengiran Gamuk untuk dibawa pulang ke Brunei. Namun, dalam perjalanan pulang mereka telah ditahan oleh musuh yang ingin merampas Rainah. Mereka diugut akan dcederakan sekiranya tidak menyerahkan gadis itu. Pada mulanya Pengiran Gamuk dan pembantunya tidak mahu menyerahkan Rainah kerana Rainah ialah harta milik mereka. Mereka berusaha untuk mempertahankan harta mereka daripada diambil oleh pihak musuh. Namun mereka akhirnya bersetuju menyerahkan Rainah kepada pihak musuh dengan syarat pihak musuh harus membayar ganti rugi.

“Daripada kehilangan harta yang banyak dan nyawa, elok tuntutan ini diredakan. Baik aku serahkan Rainah demi menyelamatkan harta dan nyawa,” bisik hati Pengiran Gamuk (Amil Jaya, 2015: 142).

Pengiran Gamuk memilih untuk menyerahkan Rainah demi menyelamatkan harta-hartanya yang lain walaupun mendapat tentangan awal daripada Awang Damit. Dalam ajaran Islam dinyatakan bahawa mempertahankan harta benda merupakan satu bentuk kehormatan. Justeru, Pengiran Gamuk rela menyerahkan Rainah asalkan musuh membayar harga yang telah ditetapkan dan harta-hartanya yang lain dapat diselamatkan.

#### KEHORMATAN MARUAH

Kehormatan yang berkaitan dengan maruah manusia sangat dititik beratkan oleh Islam. Justeru, Islam melarang perkara-perkara yang boleh menjurus ke arah perzinaan untuk menyelamatkan maruah manusia. Hadis Riwayat Ahmad (1565) sabda Rasulullah saw yang bermaksud:

“Sesiapa mati kerana membela maruahnyanya, nescaya jadilah syahid.” (Ali Jarishah, 1990: 29).

Islam sangat memelihara maruah dan kehormatan manusia melalui ajaran Islam dan hukum-hukum Islam bahkan hingga ke tahap mensucikannya (Yusuf al-Qaradhawi, 2016: 467). Malah menurut Asmawati Suhid (2009: 18-19) akhlak itu juga didefinisikan sebagai maruah. Hal ini kerana apabila seseorang Muslim memelihara dan mengamalkan akhlak Islam, maka sekaligus dia telah memelihara maruah diri dan agamanya.

Mempertahankan maruah dan memelihara kehormatan jelas boleh dilihat dalam novel *Ngayau II* apabila penduduk kampung menyedari kehilangan Rainah. Rainah telah dilarikan oleh sekumpulan lanun untuk dijual di pasar *ulun*. Kehilangan Rainah menjadi buah mulut penduduk kampung dan pelbagai andaian dibuat oleh penduduk kampung akan kehilangan gadis itu. Para pemuda kampung Melandin merasa sangat tercabar kerana tidak dapat menjaga keselamatan anak-anak gadis di perkampungan mereka. Mereka berjanji akan berusaha mencari Rainah. Para pemuda kampung yang memiliki ilmu pertahanan diri turut serta dalam pencarian Rainah. Misi mereka hanya satu iaitu menyelamatkan maruah gadis itu dan memelihara maruah mereka sebagai pemuda yang bertanggungjawab menjaga kebajikan anak-anak gadis di perkampungan mereka.

... “Maruah kami cukup tercabar. Penculikan itu berlaku di kampung kami. Kami berasa dayus kerana tak dapat mengawal keselamatan anak-anak gadis kampung kami.” (Amil Jaya, 2015: 96)

Keputusan yang diambil oleh Kumil dan rakan-rakannya untuk mencari Rainah dipersetujui oleh orang-orang kampung bagi menyelamatkan maruah mereka daripada dipijak-pijak oleh lanun-lanun yang sering menceroboh kampung mereka. Malah mereka tidak mahu dianggap sebagai dayus kerana tidak dapat menyelamatkan anak-anak gadis kampung mereka daripada menjadi mangsa culik lanun-lanun. Kehormatan maruah anak-anak gadis kampung Melandin adalah terletak di tangan mereka sebagai seorang lelaki.

#### KEHORMATAN WANITA

Mempertahankan kehormatan wanita merupakan satu jenis kehormatan yang digariskan oleh Ali Jarishah (1990) sebagaimana yang dituntut oleh agama Islam. Seseorang wanita itu perlu menjaga kehormatan dirinya dengan mematuhi perintah Allah. Dalam konteks novel *Ngayau II*, aktiviti jual beli manusia ini merupakan satu perbuatan yang zalim bagi masyarakat Bajau kerana menganiaya wanita dan mencemarkan kehormatan wanita. Namun bagi orang Dayak dan lanun, penculikan terhadap kaum wanita telah menjadi satu pekerjaan mulia dan amalan perhambaan ini telah lama berlaku dalam masyarakat peribumi Borneo suatu ketika dahulu. Wanita diculik untuk dijadikan sebagai hamba abdi dan dijual di pasar *ulun* sebagaimana yang tergambar dalam petikan berikut:

Rainah melihat ramai gadis sebaya dengannya berdiri di tepi pangkalan itu. Masing-masing dalam keadaan takut dan putus asa. Rainah pasti, gadis-gadis itu seperti dia juga, *ulun* yang akan dijual pada esok hari. Mereka kelihatan keluh kesah, serba salah dan dalam keadaan tidak bermaya serta tidak berdaya (Amil Jaya, 2015: 114).

Kehormatan wanita telah diperkotak katikkan oleh golongan lelaki yang hanya mementingkan keuntungan. Wanita bebas dijual beli dan menjadi satu bentuk perniagaan yang menguntungkan sesuai dengan zaman tersebut di mana aktiviti perhambaan dan penculikan terhadap wanita merupakan amalan yang telah menjadi satu bentuk kelaziman bagi masyarakat pedalaman Borneo. Untung nasib wanita-wanita yang dijual tersebut bergantung kepada tuan yang membelinya. Seandainya tuan yang membelinya berhati mulia, maka terpeliharalah kehormatan wanita-wanita ini dan begitu juga sebaliknya. Rainah dan *ulun-ulun* yang lain menyerahkan untung nasib mereka kepada Allah dan tidak mampu berbuat apa-apa demi menyelamatkan diri mereka.

#### KESIMPULAN

Novel ini berjaya menggambarkan budaya atau tradisi ngayau yang berlaku di kepulauan Borneo suatu ketika dahulu. Perbuatan ngayau oleh orang Dayak dan aktiviti pemerdagangan

manusia oleh kumpulan lanun merupakan satu kelaziman bagi mereka. Namun begitu, bagi suku etnik Bajau, perbuatan tersebut adalah sangat zalim. Dengan bersandarkan kepada kerangka konsep kehormatan oleh Ali Jarishah (1999), ternyata novel ini telah berjaya memaparkan kehormatan dan maruah yang ingin dipertahankan oleh etnik Bajau terhadap penindasan yang dilakukan oleh orang-orang Dayak dan lanun yang bermaharajalela serta mengganggu gugat ketenteraman perkampungan mereka.

#### RUJUKAN

- Ali Jarishah. (1990). *Kehormatan, Hak-hak Manusia Menurut Islam, Suatu Kajian Perbandingan*. Terj. Mohd Marzuqi Shafie. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Amil Jaya. (2015). *Ngayau II*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmawati Suhid. (2009). *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam Konsep dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn Bhd.
- Asmiaty Amat. (2011). Ngayau Sebagai Sebuah Novel Berwarna Tempatan: Satu Kajian Sosiologi Sastera. *MANU*, 17, 39–56.
- Asmiaty Amat. (2016). Novel Bagaton dan Ngayau: Satu Analisis Menerusi Kaca Mata Gagasan Persuratan Baru. *MANU*, 23, 43–60.
- Asmiaty Amat. (2019). *Mediasi dalam Pembentukan dan Perkembangan Novel di Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Awang Hasmadi Awang Mois. (1984). Tinjauan Antropologi Terhadap Institusi *Ngayau* Suatu Perbandingan Antara Novel dan Rekod Etnografi. *Akademika* No. 24, 59-81.
- Juwairiah Osman. (2014). Konsep Kehormatan Orang Melayu Dalam Drama *Tesar Di Jalan-Mu*. Tesis Sarjana Universiti Putra Malaysia.
- Noriah Taslim dan Chemaline Osup. (2013). *Ensera Ayor Epik Rakyat Iban*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Noria Tugang. (2014). *Pua Identiti dan Budaya Masyarakat Iban*. Kota Samarahan: Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.
- Yusuf al-Qaradhawi. (2016). *Halal dan Haram dalam Islam* (terj. *Al-Halal wa Al-Haram fi Al-Islam*). Selangor: PTS Publishing House Sdn. Bhd.